

# ورتا فنشن Warta Penerangan



MAC 2015







**Terbitan Bahagian Pengurusan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

**“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”**

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

## Muka

|  |    |
|--|----|
| Serah poster sempena Ulang Tahun JBP Ke-55   | 5  |
| Majlis menapung tawar kenderaan baru<br>Jabatan Penerangan                                       | 6  |
| Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Yang<br>Bertanggungjawab Bagi Penerangan Kali Ke-13              | 7  |
| Program Lawatan Pegawai Penerangan ke Negeri Sabah   | 8  |
| Kursus Menjana Peningkatan Motivasi Pekerja  | 9  |
| Program Awasi Anak Kitani banteras aktiviti negatif  | 10 |
| Majlis Penyamapaian Sijil dan Pembentangan Hasil<br>Penempatan Kerja Penuntut                    | 11 |
| Latih generasi muda miliki semangat patriotik  | 12 |
| Program Sua Muka   | 14 |
| Pusat Media Persidangan Majlis Mesyuarat Negara  | 17 |
| MRO menyelaras pergerakan pengamal media   | 17 |
| Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus /<br>bengkel / ceramah bagi bulan Mac 2015 | 18 |
| Kursus Persediaan Persaraan  | 19 |
| Pegawai-pegawai yang bersara   | 20 |

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Serah poster sempena Ulang Tahun JBP Ke-55

Oleh: Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Dalam usianya yang telah mencapai kedewasaan dan kematangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah merealisasikan hasrat jabatan dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatannya.

Di samping turut membarigakan kepada masyarakat dan penduduk di negara ini mengenai peranan, perkembangan dan pencapaian serta kejayaan JBP sejarah dengan visi dan misi jabatan berkenaan.

Sehubungan itu, sempena Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Ke-55, 2015 satu Majlis Penyerahan Poster telah diadakan bertempat di Mess Pegawai Dewan Serbaguna JBP, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Hadir menyampaikan poster berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad kepada Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman, yang kemudiannya menyerahkan poster tersebut kepada pegawai-pegawai pemerintah dan ketua-ketua bahagian JBP serta wakil kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Majlis Penyerahan Poster tersebut merupakan sebagai salah satu pembuka tirai acara-acara yang akan diadakan sempena menyambut Ulang Tahun JBP Ke-55.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Ketua Guru Ugama JBP, Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.


JBP yang dahulunya dikenali sebagai Pasukan Bomba ditubuhkan dengan rasminya sebagai sebuah jabatan yang berasingan namun peredaran masa telah menunjukkan perkembangan dan kemajuan yang telah dilaksanakan serta berjaya



PEGAWAI-PEGAWAI daripada pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang hadir.

dicapai oleh jabatan tersebut dengan termampaknya perbezaan bidang tugas asal jabatan berkenaan yang dulunya secara tradisi hanya memadam kebakaran tetapi kini telah menjangkau kepada bidang tugas yang lebih mencabar iaitu menyelamat.

Bermula dari tarikh penubuhannya pada 1 Januari 1960, JBP merupakan sebuah jabatan ‘Discipline Uniform Service’ yang telah melalui berbagai-perkembangan yang pesat bukan sahaja dari aspek peningkatan sumber manusia malahan juga dari aspek profesionalisme, pemberian perkhidmatan, penggunaan jentera dan peralatan yang lebih canggih dan berteknologi tinggi mengikut peredaran zaman.





## Majlis menapung tawar kenderaan baru Jabatan Penerangan

Foto: Mohammad Arif Matali, Mohammad Mahdi Haji Marsidi



**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac - Satu majlis menapung tawar kenderaan-kenderaan baru Jabatan Penerangan telah diadakan di bangunan tambahan ibu pejabat Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin diikuti dengan menapung tawar (merenjis dengan bunga rampai) enam buah kereta baru oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan.

Selain daripada membawa pegawai dan kakitangan bertugas untuk mesyuarat dan acara-acara jabatan dan luar jabatan, kenderaan-kenderaan baru juga digunakan untuk menghantar Pelita Brunei, bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan termasuk buku dan poster.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat.



# Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab Bagi Penerangan Kali Ke-13

Oleh: Unit Hal Ehwal Antarabangsa

Foto: Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Myanmar News Agency



DELEGASI Negara Brunei Darussalam bersama Menteri Kesatuan Bagi Hal Ehwal Penerangan, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Ye Htut.

Antara acara yang berlangsung semasa mesyuarat berkenaan ialah Majlis Pelancaran 'ASEAN Visual Learning Resource Centre (AVLRC)'.

AVLRC merupakan salah satu tindakan dari 15 keutamaan Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN (*Master Plan On ASEAN Connectivity*) dan akan menjadi rujukan utama kepada yang ingin mengetahui; dan mengumpul maklumat mengenai ASEAN; Negara-Negara ASEAN serta ASEAN sebagai Komuniti.

Rombongan Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat ini diketuai oleh Setiausaha Tetap (Media &

Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab Bagi Penerangan (*The 13th Senior Officials Meeting Responsible For Information -13th SOMRI*) telah diadakan pada 25-26 Mac 2015 bertempat di Daerah Ngwehsaung, Republik Kesatuan Myanmar.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab Bagi Penerangan dari Negara-Negara Anggota Asean.

Mesyuarat SOMRI ke-13 dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Ye Htut, Menteri Kesatuan Bagi Hal Ehwal Penerangan, Republik Kesatuan Myanmar.

Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos. Mesyuarat turut disertai pegawai kanan / pegawai dari Jabatan Penerangan, Jabatan Radio Televisyen Brunei dan Jabatan Perdana Menteri serta wakil dari Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Myanmar.

Jabatan Penerangan diwakili oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan Penolong Pegawai Penerangan dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.



SETIAUSAHA Tetap (Media & Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri dan pegawai-pegawai kanan dari negara-negara anggota ASEAN ketika melancarkan AVLRC.

# Program Lawatan Pegawai Penerangan ke Negeri Sabah

Oleh & Foto:

Muhd. Khairulhadi Haji Muhd. Muhtaddir



SESI bergambar ramai bersama delegasi dan rombongan semasa lawatan ke Jabatan Penyiaran Malaysia, Sabah.

KOTA KINABALU, Isnin, 30 Mac. -Seramai dua orang delegasi dari Jabatan Penerangan menyertai Program Lawatan Pegawai Penerangan Kelompok Informasi Masyarakat (KIM) Republik Indonesia dan enam orang penghulu dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Negara Brunei Darussalam iaitu Mukim Berakas 'B', Mukim Seria, Mukim Ukong dan Mukim Labu, ke Negeri Sabah, Malaysia.

Ketua Delegasi, Awang Muhsin Khairulhadi bin Haji Muhsin Muhtaddir yang turut disertai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Wahid bin Haji Halim bertolak ke Kota Kinabalu, Sabah bagi menyertai program yang diadakan bermula 26 hingga 30 Mac 2015.

Pada hari pertama, delegasi dari Brunei dan Indonesia telah

diraikan pada Majlis Makan Malam bersama Timbalan Pengarah Penerangan Sabah.

Sepanjang lawatan, delegasi Brunei juga berkesempatan membuat kunjungan hormat ke Pejabat Konsul termasuk lawatan ke Jabatan Penerangan Sabah, temu bual bersama RTM Sabah / TV1, Studio RTM dan BERNAMA di Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Program diteruskan dengan lawatan ke Komuniti 1Malaysia (K1M) Papar, industri kecil/sederhana, Taman Negara Kinabalu, K1M Sinisian dan Ladang Tenusu Ranau.

K1M adalah merupakan penjenamaan semula Komuniti Bestari yang telah dilancarkan pada tahun 2010 iaitu sebuah badan sukarela pelbagai kaum yang ditubuhkan oleh Jabatan Penerangan

Malaysia bagi memupuk nilai-nilai perpaduan untuk merealisasikan aspirasi negara.

Hasil dari lawatan lima hari tersebut, rombongan menyaksikan potensi yang dapat dikembangkan di negara itu melalui K1M khususnya dari segi ekonomi, di samping merapatkan lagi hubungan antara tiga buah negara dalam bidang persamaan budaya, makanan dan bahasa.

Penutup Program tersebut telah diraikan dengan Majlis Makan Malam di Hotel Le'Meridan Sabah yang dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Penerangan dari Semanjung Malaysia, Pengarah Penerangan Sabah, Pemangku Pengarah RTM Sabah, Timbalan Pengarah Penerangan Sabah dan jemputan-jemputan khas.



PARA rombongan berkesempatan menyaksikan antara tugas-tugas pengacara di studio radio KKKM.



KETUA delegasi rombongan Negara Brunei Darussalam, Awang Muhsin Khairulhadi menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Majlis Makan Malam.

# Kursus Menjana Peningkatan Motivasi Pekerja

Oleh: Unit Latihan dan Penyelidikan

Foto: Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Arif Matali



**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Mac. - Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang tinggi, setiap anggota perkhidmatan awam perlu memupuk sikap positif dan proaktif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Di samping itu, kita juga perlu meningkatkan motivasi dan kepimpinan diri supaya lebih fokus, komited serta produktif.

Ke arah itu, Unit Latihan dan Penyelidikan, Jabatan Penerangan telah mengundang Awang Haji Hamdani bin Haji Alias dari Syarikat Dabini Management and Consultancy Services untuk mengendalikan "Kursus Menjana Peningkatan Motivasi Pekerja bagi Memartabatkan Kecemerlangan Serta Menghasilkan Prestasi Kerja Yang Tinggi" pada 2 hingga 3 Mac 2015 di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Seramai 34 orang pegawai dan kakitangan telah menghadiri kursus dua hari itu. Antara tajuk-tajuk

yang dibincangkan ialah 'Kenali kehebatan awda', 'Mulakan dengan matlamat yang jelas', 'Kemahiran bekerja secara efektif' dan 'Bersyukur dan merayakan kejayaan'.

Para peserta kursus menggunakan kaedah sumbang-saran atau brainstorming dalam mengenal pasti kelemahan masing-masing (SWOT) dan merancang dengan konsep SMART secara berkumpulan.

Kursus berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan kepada para peserta disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

**ANTARA** kumpulan yang menyampaikan pembentangan pada kursus tersebut.





# Program Awasi Anak Kitani banteras aktiviti negatif

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat negara kita semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Sehubungan dengan itu, sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak bangsa bergerak sihat dan cergas untuk membangun negara, Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dengan Kerjasama Biro Kawalan Narkotik

(BKN) telah mengadakan Program Awasi Anak Kitani, bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Hadir pada program tersebut ialah para ibu bapa atau penjaga, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di bawah tадahan Mukim Berakas 'A' iaitu Kampung Burong Pingai Berakas, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lambak Kiri, Kampung Lambak 'A', Kampung Lambak 'B' Kampung Pancha Delima / Kampung Anggerek Desa / Kampung Orang Kaya Besar Imas / Pulaie, Kampung Jaya Setia /

Kampung Jaya Bakti, Kampung Delima Satu dan Kampung Serusop.

Penerangan ringkas mengenai program ini disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli/Haji Ramli, selaku Ketua Unit Hubungan Masyarakat, sementara sesi taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik I, Awang Mohd. Izman bin Haji Tarip. Ini diikuti dengan sesi soal jawab dan menyaksikan pameran Jabatan Penerangan dan BKN.

Program dihasratkan dapat mewujudkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah, di samping memberi maklumat tentang keburukan dadah dan sekali gus mengajar ibu bapa bagaimana menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti tidak sihat ini.

Selain itu program juga diharap akan dapat membuka minda para belia menjauhi penggunaan dadah serta merangsang ibu bapa untuk sama-sama bertindak dan mengawasi anak masing-masing tentang bahaya penggunaan dadah tanpa mengharapkan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.



ANTARA Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di bawah tадahan Mukim Berakas 'A' serta para ibu bapa dan penjaga yang menghadiri Program Awasi Anak Kitani.



GAMBAR ramai bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di bawah tадahan Mukim Berakas 'A'.

# Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja Penuntut

Oleh : Unit Latihan & Penyelidikan

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 31 Mac. - Seramai 11 orang penuntut dari Micronet International College; Cosmopolitan College dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang menjalani Program Penempatan Kerja di Jabatan Penerangan menerima sijil setelah membentang hasil penempatan kerja mereka di bahagian atau unit mereka ditempatkan iaitu Bahagian Kenegaraan & Kemasyarakatan; Unit Pameran; Unit Penerbitan Inggeris; Unit IT & Media Baru; Unit Latihan dan Penyelidikan, dan Unit Perhubungan Awam.

Hadir menyempurnakan

penyampaian sijil ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku wakil peribadi

Pemangku Pengarah Penerangan. Juga hadir Pegawai Pentadbir dan pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan.



**AWANGKU** Muhd. Khairul Hussien bin Pengiran Harun dan Awang Noorsaffiuddin bin Matsalleh membentangkan hasil penempatan mereka di Unit Pameran.



**PENYAMPAIAN** sijil disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku wakil peribadi Pemangku Pengarah Penerangan.



**PENUNTUT** Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah mengongsikan pengalaman penempatan kerja mereka.



**SEKUMPULAN** penuntut dari Micronet International College dan Cosmopolitan College membuat pembentangan mereka mengenai Unit IT & Media Baru, dan Unit Latihan & Penyelidikan.

## Latih generasi muda miliki semangat patriotik

Oleh : Noraisah Muhammed, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Noraisah Muhammed, Pengiran Amirul Pengiran Haji Mohd Ali, Dk Nur Hafilah Pg. Osman



ANTARA guru-guru pengawas dan penuntut Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali semasa menghadiri Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

BENDERA Negara Brunei Darussalam yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik kibar (dan kemudian menurunkan) bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media masa kerajaan seperti Pelita Brunei dan Radio dan Televisyen Brunei.

Ini adalah antara isi kandungan Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’. Program

diungkayahkan secara berterusan oleh Jabatan Penerangan dalam meningkatkan kefahaman dan semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera dan lagu kebangsaan negara juga diperjelaskan dengan terperinci.

Di Daerah Brunei dan Muara, penuntut dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali telah mendengarkan taklimat ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji

Dayang bin Haji Kasim pada 18 Mac 2015 di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Bagi Daerah Tutong, taklimat yang seumpama telah diadakan di Sekolah Rendah Danau pada 5 Mac 2015. Pembantu Pegawai Luar Penerangan Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Shari bin Haji Garib menyampaikan taklimat berkenaan kepada 68 pelajar sekolah.

Manakala di Daerah Belait, taklimat yang sama juga diadakan di Sekolah Rendah Lumut yang disampaikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Jabatan Penerangan, Dayang Siti Haniza binti Azari kepada 63 orang pelajar Tahun 4 dan 5 pada 3 Mac yang lalu.

Dalam taklimat tersebut para murid berpeluang menyaksikan tayangan klip video ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’ yang diselang-selikan dengan kuiz kenegaraan mengibar bendera negara dan lagu kebangsaan.



PEMBANTU Pegawai Luar Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Shari bin Haji Garib semasa menyampaikan taklimat ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam’.



TAKLIMAT disampaikan oleh Dayang Haniza binti Azari di Sekolah Rendah Lumut.



SESI bergambar ramai bersama murid dan guru Sekolah Rendah Danau, Tutong.



GAMBAR ramai guru dan murid Sekolah Lumut bersama pegawai-pejawai dari Jabatan Penerangan semasa ‘Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Sekolah-Sekolah Rendah Seluruh Negara 2015 bagi Peringkat Daerah Belait.



KETUA Penerangan Cawangan Tutong, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi menyampaikan cenderahati kenangan kepada guru Sekolah Rendah Danau.



PENYAMPAIAN hadiah kepada murid yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan di Sekolah Rendah Lumut.

# Program Sua Muka

Oleh : Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

Foto: Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Hernie Suliana Haji Othman, Pengiran Amirul Nizam Pengiran Haji Mohd Ali, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Mahdi Haji Marsidi



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Basri bin Abu Bakar, Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan pada 14 Mac 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Ramlee bin Haji Md Zin, Ketua Kampung Sungai Akar pada 16 Mac 2015.



Program Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan – rakyat, rakyat – kerajaan. Ini akan dapat membina minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan ugama, bangsa, Raja dan Negara selaras dengan aspirasi Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.



**PROGRAM** Sua Muka di kediaman Mejari (B) Pengiran Haji Idros bin Pengiran Haji Mahmud, Ketua Kampung Manggis I & II, juga selaku Pemangku Ketua Kampung Madang pada 17 Mac 2015.



**PROGRAM** Sua Muka di kediaman Haji Awang Mohdar bin Haji Awang Ahmad, Ketua Kampung Menglait dan Kawasan Sekitarnya pada 19 Mac 2015.





**PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar, Ketua Kampung Kiulap pada 21 Mac 2015.**



**PROGRAM Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Menengah, Mukim Bangar, Daerah Temburong, Mejari (B) Ampuan Hussain bin Mattahir diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad selaku Ketua Penerangan Cawangan Temburong pada 31 Mac 2015.**



# Pusat Media Persidangan Majlis Mesyuarat Negara

Foto :  
Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok



Bersempena Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Jabatan Penerangan telah menubuhkan Pusat Media di Dewan Majlis bagi memudahkan para media membuat liputan persidangan MMN yang telah berlangsung pada 5 Mac hingga 23 Mac 2015.

Selain daripada kemudahan yang terdapat di Pusat Media, Jabatan Penerangan juga membekalkan suratkhabar tempatan (ihsan daripada Syarikat Brunei Press Sendirian Berhad dan Syarikat The Brunei Times) kepada para Ahli-Ahli Yang Berhormat MMN.



## MRO menyelaras pergerakan pengamal media

Foto : Haji Rahime Awang Haji Anuar



Pegawai Peghubung Media atau *Media Relations Officer* (MRO) bertanggungjawab dalam mengendalikan para pengamal media termasuk mengawal pergerakan pemberita dan jurugambar yang membuat liputan di tempat berlangsungnya sesebuah majlis.

Antara majlis-majlis yang melibatkan MRO pada bulan Mac ini ialah Regata Brunei Darussalam 2015; Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Majlis Penyampaian Crown Prince CIPTA Award 2015, dan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha ke Negara Brunei Darussalam.

**Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:**

| Nama  | Kursus / Bengkel / Ceramah  | Tarikh           |
|---|---|------------------|
| 1. Awang Ishak bin Haji Othman<br>2. Awang Wahid bin Haji Halim<br>3. Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar<br>4. Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman<br>5. Awang Haji Ahmad bin Haji Achee<br>6. Awang Rafa'ee bin Yaakub<br>7. Awang Haji Masrin bin Baharin<br>8. Awang Muhammd Al Khaliq bin Ali<br>9. Awang Mohd. Suhud bin Haji Bungsu<br>10. Awang Aliasan bin Haji Kalong<br>11. Awang Ah Chua bin Bangau<br>12. Awang Muhammad Halime bin Haji Tajudin<br>13. Awang Haji Awang Ramlee bin Haji Moktar<br>14. Awang Haji Musa bin Md. Yassin<br>15. Awang Muhammad Abdul Kafi bin Haji Sulaiman<br>16. Dayang Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman<br>17. Awang Zainuddin bin Muhammad Husseiin<br>18. Dayang Norhayani binti Haji Abd Latif<br>19. Dayangku Nurhafilah binti Pengiran Osman<br>20. Dayang Ernie Erma binti Haji Salihudin<br>21. Awang Abu Bakar bin Haji Duraman<br>22. Dayang Hajah Painah binti Paiman<br>23. Awang Haji Mirazman bin Haji Othman<br>24. Dayangku Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad<br>25. Dayang Hajah Umit Kalthum binti Haji Ali Hussein<br>26. Awang Suhaili@Saipol Bahri bin Haji Mat Zin<br>27. Awang Asrin bin Mohammad Noor<br>28. Awangku Mohd. Noor Zainismandy bin Pengiran Haji Ismail<br>29. Dayang Hajah Norainah binti Ibrahim<br>30. Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Pengiran Haji Kahar<br>31. Awang Haji Jafrey bin Haji Mohd. Hanafiah<br>32. Dayang Marinah binti Jumat<br>33. Dayang Julinia binti Mohd. Ali | Kursus Menjana Peningkatan Motivasi Pekerja Bagi Memartabatkan Kecemerlangan Serta Menghasilkan Prestasi Kerja Yang Tinggi                      | 2 - 3 Mac 2015   |
| 1. Awang Haji Salleh bin Haji Yusof<br>2. Awang Mohd. Nizam bin Abdullah<br>3. Awang Abu Bakar bin Haji Mohd. Said  | Kursus Persediaan Persaraan   | 17 – 26 Mac 2015 |
| 1. Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail<br>2. Dayangku Nur Azhani@Dayangku Mas Ayu binti Pengiran Dr. Hidop<br>3. Awang Haji Musa bin Haji Yassin   | Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shaf'i (Siri Pertama) Anjuran Pusat Penyelidikan Mazhab Shaf'i (PPMS) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) | 7 Mac 2015       |
| 1. Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Haji Ramli<br>2. Dayang Zawiyatun Ni'Mah binti Mohammad Akir<br>3. Awang Suhaili@Saipol Bahri bin Haji Mat Zin  |   | 14 Mac 2015      |
| 1. Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar<br>2. Dayang Norsiah binti Haji Umar  |   | 21 Mac 2015      |
| 1. Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail<br>2. Awang Haji Masrin bin Baharin<br>3. Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  |   | 28 Mac 2015      |

# Kursus Persediaan Persaraan

Oleh & Foto :  
Mohd Nizam Abdullah



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana, melalui Unit Latihan dan Penyelidikan telah menghantar tiga orang pegawai dan kakitangan untuk menghadiri Kursus Persediaan Persaraan.

Pegawai dan kakitangan tersebut adalah:

1. Haji Salleh Bin Haji Yusof. Penolong Pegawai Penerangan.
2. Mohd. Nizam Bin Abdullah. Pegawai Luar Penerangan.
3. Abu Bakar Bin Haji Mohd.Said. Kerani.

Kursus ini bermula pada 17 Mac hingga 26 Mac 2015 bertempat di Dewan Penghayatan, Aras 2, Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Antara tajuk-tajuk yang disentuh adalah paradigma pesara, konsep kehidupan seimbang, menangani perubahan, peralihan & psikologi, pengurusan kewangan peribadi, perancangan persaraan dan menerokai peluang keusahawanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan

Perkhidmatan Awam; Biro Mencegah Rasuah; Pusat Promosi Kesihatan; Pusat Standard Kebangsaan; Jabatan Pertanian dan Agrimakanan; Jabatan Perikanan; dan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Para peserta kursus juga dibawa melawat aktiviti-aktiviti di Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut; MPK Sungai Teraban; tapak ladang lada di Kampong Bukit Udal; ladang pertanian Awang Haji Zainal bin Haji Safar; MPK Lambak; pembuatan telur itik masin di MPK Puni, perusahaan membuat ambulong di MPK Batu Apoi; perusahaan membuat mi kering dan basah di MPK Senukoh; dan MPK Belais dan Buda-Buda.

Kursus lapan hari ini berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada 68 peserta oleh Pemangku Penolong Pengarah IPA, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, tenaga dan komitmen sepenuhnya sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara dan selamat maju jaya kepada:



Awang Abd. Karim bin Haji Abu Bakar  
Jawatan : Pegawai Penerangan  
Tarikh Tamat Perkhidmatan : 17 Mac 2015



Awang Haji Sahari bin Akim  
Jawatan : Penolong Penyunting Tingkat I  
Tarikh melapor : 10 Mac 2015

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



[infodept.bn](http://infodept.bn)



[@infodept\\_bn](http://infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Fax : 2382242**